

**SATU KAJIAN TENTANG TINGKAH LAKU AGRESIF DI
KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

oleh

SHAHREEN BINTI ALIAS

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Sarjana Muda dengan Kepujian (Kaunseling)
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2006

Projek bertajuk ‘Satu Kajian Tentang Tingkah Laku Agresif di Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sarawak telah disediakan oleh Shahreen Binti Alias dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk mendapat Sarjana Muda dengan Kepujian (Kaunseling).

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....
(Amalia Madihie)

Tarikh:

.....

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya, akhirnya saya dapat menyempurnakan penulisan kajian ini .

Kepada kedua bonda dan ayahanda yang dikasihi, terima kasih atas segala kasih sayang dan pengorbanan dan penat lelah yang bonda dan ayahanda curahkan selama ini. Jasamu tetap dikenang. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada kedua-dua abang dan adik yang sentiasa memberikan sokongan walaupun jauh di mata namun dekat di hati.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir saya, Cik Amalia Madihie yang telah memberi tunjuk ajar, teguran dan toleransi dengan saya sepanjang menyiapkan kajian ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Jabatan Kaunseling UNIMAS terutamanya kepada Ketua Jabatan Kaunseling, Encik Rizal Abu Bakar, pensyarah-pensyarah Kaunseling dan staf-staf. Terima kasih atas segala tunjuk ajar dan bantuan yang diberikan ketika menjalankan kajian ini.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada pelajar-pelajar UNIMAS yang terlibat, di atas bantuan dan kerjasama yang diberikan sepanjang saya menjalankan kajian ini. Terima kasih sekali lagi.

Buat rakan-rakan seperjuangan terutamanya Lei Mee Kiong, Haneza, Wella, Ruth, Mutiah dan Nurhidaya, terima kasih yang tidak terhingga kerana sanggup berkongsi suka dan duka serta memberikan sokongan moral di saat saya mengalami tekanan. Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada sahabat baikku yang menyokong dari belakang, Syarifah Sheril Azlin dan Siti Nuraini. Semoga kita sama-sama beroleh kejayaan dan setiap apa yang anda impikan akan menjadi realiti. Insya-Allah.

Terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	xii
Senarai Lampiran	xiii
Abstrak	xiv
<i>Abstract</i>	xv
Bab 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Kenyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	7
1.3.1 Objektif Am	7
1.3.2 Objektif Khusus	8
1.4 Hipotesis Kajian	9
1.5 Rangka Konseptual Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Definisi Konseptual dan Operasional	11
1.8 Limitasi Kajian	16
1.9 Kesimpulan	18
Bab 2 KAJIAN SEMULA PENULISAN	
2.0 Pengenalan	19
2.1 Kajian Lepas Mengenai Jenis dan Ciri Tingkah Laku Agresif	19
2.2 Teori Berkaitan Tingkah Laku Agresif	35
2.3 Kesimpulan	41
Bab 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	42
3.1 Rekabentuk Kajian	42
3.2 Lokasi kajian	43
3.3 Populasi dan Sampel	44
3.4 Prosedur Pengumpulan Data	48
3.5 Instrumen Kajian	48
3.5.1 Seksyen A: Maklumat Peribadi	49
3.5.2 Seksyen B: Soal Selidik	49
3.5.2.1 Soal Selidik Agresif	49
3.5.2.2 Inventori Agresif	50
3.5.3 Seksyen C: Persepsi dan Pandangan	51
3.6 Kebolehpercayaan Instrumen	52
3.7 Prosedur Analisis Data	53
3.8 Rumusan Penganalisan Data	55

3.9 Kesimpulan	56
----------------	----

Bab 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan	57
4.1 Demografi Responden	58
4.1.1 Jantina	58
4.1.2 Umur	59
4.1.3 Bangsa	61
4.1.4 Agama	62
4.1.5 Status Pekerjaan Ibubapa	63
4.1.6 Bilangan Adik-beradik	64
4.1.7 Jumlah Pendapatan Keluarga	65
4.1.8 Kawasan tempat Tinggal	66
4.2 Analisis Soal Selidik	67
4.2.1 Analisis Soal Selidik Agresif	67
4.2.2 Analisis Inventori Agresif	70
4.3 Dapatan Hipotesis	72
4.3.1 Perbezaan antara faktor demografi terpilih berdasarkan faktor jantina dengan jenis tingkah laku agresif	73
4.3.1.1 Fizikal	73
4.3.1.2 Lisan	75
4.3.1.3 Kemarahan	76
4.3.1.4 Permusuhan	77
4.3.1.5 Keseluruhan	78
4.3.1.6 Rumusan	79
4.3.2 Perbezaan antara faktor demografi terpilih berdasarkan faktor jantina dengan ciri tingkah laku agresif	80
4.3.2.1 Fizikal	81
4.3.2.2 Lisan	82
4.3.2.3 Impulsif/Tidak Sabar	83
4.3.2.4 Mengelakkan Diri	84
4.3.2.5 Rumusan	85
4.3.3 Perkaitan antara faktor demografi terpilih berdasarkan faktor umur dengan jenis tingkah laku agresif	86
4.3.3.1 Fizikal	87
4.3.3.2 Lisan	88
4.3.3.3 Kemarahan	89
4.3.3.4 Permusuhan	90
4.3.3.5 Keseluruhan	91
4.3.3.6 Rumusan	92
4.3.4 Perkaitan antara faktor demografi terpilih berdasarkan faktor umur dengan ciri tingkah laku agresif	93
4.3.4.1 Fizikal	94
4.3.4.2 Lisan	95
4.3.4.3 Impulsif/Tidak Sabar	96

4.3.4.4	Mengelakkan Diri	97
4.3.4.5	Rumusan	98
4.4	Perkaitan Antara Jenis Tingkah Laku Agresif	99
4.5	Perkaitan Antara Ciri Tingkah Laku Agresif	106
4.6	Analisis Item	112
4.6.1	Analisis Item bagi Soal Selidik Agresif	112
4.6.2	Analisis Item bagi Inventori Agresif	121
4.7	Analisis Seksyen C : Persepsi dan pandangan responden mengenai tingkah laku agresif	130
4.7.1	Pandangan responden mengenai tingkah laku agresif berdasarkan persepsi responden	131
4.7.2	Pengalaman responden yang pernah melihat sebarang aktiviti yang berkaitan tingkah laku agresif di sekolah atau universiti	136
4.7.3	Pengalaman responden berkaitan menjadi mangsa oleh individu yang agresif	139
4.7.4	Pandangan responden mengenai faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu terlibat dalam aktiviti yang melibatkan tingkah laku yang agresif berdasarkan persepsi responden	141
4.7.5	Pandangan responden mengenai langkah-langkah yang boleh diambil untuk menghalang kejadian tingkah laku agresif ini dari terus berlaku berdasarkan persepsi responden	145
4.8	Perbincangan hasil dapatan	148
4.9	Kesimpulan	150
Bab 5	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN	
5.1	Pengenalan	151
5.2	Rumusan kajian	151
5.3	Cadangan kajian seterusnya	159
5.3.1	Cadangan untuk pengkaji akan datang	159
5.3.2	Cadangan untuk kaunselor	160
5.4	Penutup	161
	BIBLIOGRAFI	162
	LAMPIRAN	167

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Jadual bilangan pelajar UNIMAS	46
Jadual 3.2 Skala <i>Likert</i> dengan lima (5) skor Soal Selidik Agresif	50
Jadual 3.3 Skala <i>Likert</i> dengan lima (5) skor Inventori Agresif	51
Jadual 3.4 Darjah Kebolehpercayaan Soal Selidik Agresif	53
Jadual 3.5 Darjah Kebolehpercayaan Inventori Agresif	53
Jadual 3.6 Tafsiran pekali Korelasi Pearson ‘r’	54
Jadual 3.7 Rumusan Penganalisan Data	55
Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	58
Jadual 4.2 Taburan Responden Mengikut Umur	59
Jadual 4.3 Taburan Responden Mengikut Bangsa	61
Jadual 4.4 Taburan Responden Mengikut Agama	62
Jadual 4.5 Taburan Responden Mengikut Status Pekerjaan Ibubapa	63
Jadual 4.6 Taburan Responden Mengikut Bilangan Adik-beradik	64
Jadual 4.7 Taburan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan Keluarga	65
Jadual 4.8 Taburan Responden Mengikut Kawasan Tempat Tinggal	66

Jadual 4.9 Keputusan Pemarkahan Soal Selidik Agresif	68
Jadual 4.10 Keputusan Pemarkahan Skor Inventori Agresif Mengikut Jantina	70
Jadual 4.11 Keputusan ujian-t bagi mengkaji perbezaan antara faktor demografi terpilih, jantina dengan jenis tingkah laku agresif jenis fizikal di kalangan pelajar UNIMAS	73
Jadual 4.12 Keputusan ujian-t bagi mengkaji perbezaan antara faktor demografi terpilih, jantina dengan jenis tingkah laku agresif jenis lisan di kalangan pelajar UNIMAS	75
Jadual 4.13 Keputusan ujian-t bagi mengkaji perbezaan antara faktor demografi terpilih, jantina dengan jenis tingkah laku agresif jenis kemarahan di kalangan pelajar UNIMAS	76
Jadual 4.14 Keputusan ujian-t bagi mengkaji perbezaan antara faktor demografi terpilih, jantina dengan jenis tingkah laku agresif jenis permusuhan di kalangan pelajar UNIMAS	77
Jadual 4.15 Keputusan ujian-t bagi mengkaji perbezaan antara faktor demografi terpilih, jantina dengan keseluruhan jenis tingkah laku agresif di kalangan pelajar UNIMAS	78
Jadual 4.16 Rumusan keputusan ujian-t bagi mengkaji perbezaan antara faktor demografi terpilih, jantina dengan jenis tingkah laku agresif di kalangan pelajar UNIMAS	79
Jadual 4.17 Keputusan ujian-t bagi mengkaji perbezaan antara faktor demografi terpilih, jantina dengan ciri tingkah laku agresif jenis fizikal di kalangan pelajar UNIMAS	81
Jadual 4.18 Keputusan ujian-t bagi mengkaji perbezaan antara faktor demografi terpilih, jantina dengan ciri tingkah laku agresif jenis lisan di kalangan pelajar UNIMAS	82

Jadual 4.19	
Keputusan ujian-t bagi mengkaji perbezaan antara faktor demografi terpilih, jantina dengan ciri tingkah laku agresif jenis impulsif/tidak sabar di kalangan pelajar UNIMAS	83
Jadual 4.20	
Keputusan ujian-t bagi mengkaji perbezaan antara faktor demografi terpilih, jantina dengan ciri tingkah laku agresif jenis mengelakkan diri di kalangan pelajar UNIMAS	84
Jadual 4.21	
Rumusan keputusan ujian-t bagi mengkaji perbezaan antara faktor demografi terpilih, jantina dengan ciri tingkah laku agresif di kalangan pelajar UNIMAS	85
Jadual 4.22	
Keputusan ujian korelasi bagi mengenalpasti perkaitan antara faktor demografi terpilih, umur dengan jenis tingkah laku agresif jenis fizikal di kalangan pelajar UNIMAS	87
Jadual 4.23	
Keputusan ujian korelasi bagi mengenalpasti perkaitan antara faktor demografi terpilih, umur dengan jenis tingkah laku agresif jenis lisan di kalangan pelajar UNIMAS	88
Jadual 4.24	
Keputusan ujian korelasi bagi mengenalpasti perkaitan antara faktor demografi terpilih, umur dengan jenis tingkah laku agresif jenis kemarahan di kalangan pelajar UNIMAS	89
Jadual 4.25	
Keputusan ujian korelasi bagi mengenalpasti perkaitan antara faktor demografi terpilih, umur dengan jenis tingkah laku agresif jenis permusuhan di kalangan pelajar UNIMAS	90
Jadual 4.26	
Keputusan ujian korelasi bagi mengenalpasti perkaitan antara faktor demografi terpilih, umur dengan keseluruhan jenis tingkah laku agresif di kalangan pelajar UNIMAS	91
Jadual 4.27	
Rumusan keputusan Korelasi Pearson 'r' bagi mengkaji perkaitan antara faktor demografi terpilih, umur dengan jenis tingkah laku agresif di kalangan pelajar UNIMAS	92

Jadual 4.28	
Keputusan ujian korelasi bagi mengenalpasti perkaitan antara faktor demografi terpilih, umur dengan ciri tingkah laku agresif jenis fizikal di kalangan pelajar UNIMAS	94
Jadual 4.29	
Keputusan ujian korelasi bagi mengenalpasti perkaitan antara faktor demografi terpilih, umur dengan ciri tingkah laku agresif jenis lisan di kalangan pelajar UNIMAS	95
Jadual 4.30	
Keputusan ujian korelasi bagi mengenalpasti perkaitan antara faktor demografi terpilih, umur dengan ciri tingkah laku agresif jenis impulsif/tidak sabar di kalangan pelajar UNIMAS	96
Jadual 4.31	
Keputusan ujian korelasi bagi mengenalpasti perkaitan antara faktor demografi terpilih, umur dengan ciri tingkah laku agresif jenis mengelakkan diri di kalangan pelajar UNIMAS	97
Jadual 4.32	
Rumusan keputusan Korelasi Pearson 'r' bagi mengkaji perkaitan antara faktor demografi terpilih, umur dengan ciri tingkah laku agresif di kalangan pelajar UNIMAS	98
Jadual 4.33	
Keputusan ujian Korelasi Pearson 'r' antara empat (4) jenis tingkah laku agresif	100
Jadual 4.34	
Keputusan ujian Korelasi Pearson 'r' antara empat (4) jenis tingkah laku agresif dalam kajian oleh Bailey dan Hurd (2004)	106
Jadual 4.35	
Keputusan ujian Korelasi Pearson 'r' antara empat (4) ciri tingkah laku agresif	107
Jadual 4.36	
Analisis Item bagi Soal Selidik Agresif	112
Jadual 4.37	
Analisis Item bagi Inventori Agresif	121
Jadual 4.38	
Pandangan responden mengenai tingkah laku agresif	132

Jadual 4.39	
Pengalaman responden sama ada pernah melihat atau tidak sebarang kejadian tingkah laku agresif	136
Jadual 4.40	
Pengalaman kejadian tingkah laku agresif yang pernah dilihat oleh responden	137
Jadual 4.41	
Pengalaman responden sama ada pernah menjadi mangsa individu yang agresif	139
Jadual 4.42	
Tindakan agresif yang dialami oleh responden oleh individu yang agresif	140
Jadual 4.43	
Pandangan responden mengenai faktor seseorang itu terlibat dalam aktiviti yang melibatkan tingkah laku yang agresif	142
Jadual 4.44	
Pandangan responden mengenai menghalang kejadian tingkah laku agresif daripada terus berlaku	145

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 Rangka Konseptual Kajian	8
Rajah 2.1 Rajah Tingkah Laku Agresif berdasarkan Teori Kognitif Sosial	40

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A

Borang Soal Selidik

Lampiran B

Memorandum Permohonan bagi Mendapatkan Maklumat Kajian Kursus
KMC 3102

Lampiran C

Surat Jawapan Permohonan Maklumat Pelajar UNIMAS

ABSTRAK

SATU KAJIAN TENTANG TINGKAH LAKU AGRESIF DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Shahreen Binti Alias

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji mengenai tingkah laku agresif di kalangan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) iaitu dari segi jenis dan ciri agresif. Kajian ini juga untuk mengetahui persepsi dan pandangan pelajar UNIMAS mengenai tingkah laku agresif. Borang Soal Selidik Agresif (*Aggression Questionnaire*) yang dibentuk oleh Arnold H. Buss dan Mark Perry pada tahun 1992 dan Inventori Agresif (*Aggression Inventory*) pula dibangunkan oleh Brian A. Glaude pada tahun 1991 telah digunakan untuk mengkaji jenis dan ciri tingkah laku agresif di kalangan pelajar UNIMAS. Jenis tingkah laku agresif terbahagi kepada empat (4) iaitu agresif fizikal, agresif lisan, kemarahan, dan permusuhan. Manakala ciri tingkah laku agresif pula terbahagi kepada empat (4) ciri iaitu agresif fizikal, agresif lisan, impulsif/tidak sabar, dan mengelakkan diri. Seramai 112 responden yang terdiri daripada pelajar UNIMAS telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian ini. Reka bentuk kajian ini ialah berbentuk kuantitatif dan menggunakan borang Soal Selidik Agresif dan Inventori Agresif untuk mengumpul data dari sampel. Dapatan kajian ini mendapati bahawa pelajar perempuan adalah lebih agresif berbanding pelajar lelaki dari segi jenis agresif fizikal ($\bar{M} = 23.59$) dan permusuhan ($\bar{M} = 21.83$) serta mempunyai ciri agresif impulsif atau tidak sabar ($\bar{M} = 2.8990$) dan mengelakkan diri ($\bar{M} = 3.4819$) yang lebih daripada pelajar lelaki. Namun begitu, dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan jenis dan ciri tingkah laku agresif. Dapatan kajian juga mendapati umur tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan jenis dan ciri tingkah laku agresif. Hasil dapatan bahagian pandangan dan persepsi responden, kajian ini mendapati kebanyakan responden sedar akan keseriusan masalah yang melibatkan tingkah laku agresif ini dan mengetahui serba sedikit mengenai tingkah laku agresif yang dikaji. Responden juga turut menyatakan terdapat pelbagai cara yang dapat digunakan untuk membendung masalah ini daripada terus berleluasa dan ianya harus bermula dari punca masalah tersebut seperti rumah dan persekitaran dan juga melibatkan ibubapa, keluarga, rakan, dan sekolah.

ABSTRACT

A STUDY ON AGGRESSION BEHAVIOR AMONG UNIVERSITY MALAYSIA SARAWAK STUDENTS

Shahreen Binti Alias

The main purpose of this study was to study the types and characteristics of aggression among University Malaysia Sarawak (UNIMAS) students. This study also aimed to see the student of UNIMAS perception and opinion regarding aggression. The Aggression Questionnaire by Arnold H. Buss and Mark Perry in 1992 and Aggression Inventory by Brian A. Glaude in 1991 were applied to examine about the types and characteristics of aggression among UNIMAS students. There were four (4) types of aggression which are physical aggression, verbal aggression, anger, and hostility. There are also four (4) characteristics of aggression which are physical aggression, verbal aggression, impulsive or impatient, and avoid. About a hundred and twelve respondents among UNIMAS students were chosen randomly as samples for this research. The design of this study was formed based on the quantitative research and used Aggressive Questionnaire and Aggression Inventory to collect the data needed for this research. In this study, the female students were founded more aggressive in term of physical (\underline{M} = 23.59) and hostility (\underline{M} = 21.83) for the aggression questionnaire than male students and also have higher scores than male students in the impulsive or impatient (\underline{M} = 2.8990) and avoid (\underline{M} = 3.4819) characteristics. However, the result of the study showed that there were no significant differences between gender and the types and characteristics of aggression. The result also shows that there were no significant correlation between age with the types and characteristics of aggression. As for the result of the perception and opinion section, the researcher found that most of the respondent aware the seriousness of the aggression problem and know a little bit about the studied aggression. The respondent also stated that there were a lot of ways that can be used to barricade the problem from getting worse and the barricading has to be started from the sources of the problem which are the home and environment and also involving the parents, family, friends, and school.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang latarbelakang kajian dari segi topik atau isu yang dikaji, pernyataan masalah, objektif kajian, hipotesis kajian, rangka konseptual kajian, kepentingan kajian, definisi konseptual, dan operasional serta limitasi kajian.

1.1 Latarbelakang Kajian

Seseorang individu yang mengalami masalah atau ditimpa kejadian yang tidak diingini, akan melakukan pelbagai perkara untuk melepaskan tekanan yang dialami. Antara cara yang sering dilakukan untuk melepaskan tekanan ini adalah dengan bersukan, melakukan sesuatu yang digemari, berbincang dengan individu yang boleh membantu, dan banyak lagi. Namun begitu, terdapat individu yang melepaskan tekanan yang dialami dengan melakukan sesuatu yang boleh

mengganggu atau mencederakan diri sendiri, individu lain, mahupun objek di sekitarnya. Tingkah laku ini dinamakan tingkah laku agresif.

Menurut Perry (2004), tingkah laku agresif ialah satu tabiat yang menggambarkan sifat melalui serangan lisan atau fizikal, namun tingkah laku ini mungkin adalah bersesuaian dan boleh memberi perlindungan pada diri atau boleh membinasakan diri dan ganas. Jika dilihat dari sudut yang positif, tingkah laku agresif ini dapat melindungi seseorang daripada dcederakan atau diancam oleh individu yang lain. Namun begitu, jika individu tersebut menggunakan tingkah laku agresif untuk mencederakan atau mengancam orang lain, tingkah laku ini adalah salah dan bertentangan dengan nilai moral manusia.

Walau bagaimanapun, masyarakat mempunyai kecenderungan untuk melabel individu yang agresif sebagai individu yang bermasalah. Ini adalah kerana individu yang agresif ini lazimnya sering terlibat dalam aktiviti-aktiviti seperti buli, menggunakan bahasa kesat, pergaduhan secara fizikal, mengugut, mencuri, merosakkan harta benda, dan pada tahap yang lebih kronik, individu agresif ini boleh membunuh atau merogol mangsa yang tidak berdosa.

Golongan individu yang agresif ini lazimnya sering dilabel sebagai “budak jahat” atau “penjahat” disebabkan sering terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berunsurkan jenayah. Persepsi negatif rakyat Malaysia terhadap golongan individu yang agresif ini telah sedikit sebanyak memburukkan lagi keadaan dengan menjauhkan diri dari golongan ini, memandang serong, menghina malah

menyalahkan pihak lain tanpa berfikir untuk bersama-sama berganding bahu membantu golongan ini berubah menjadi individu yang lebih baik dan berguna kepada masyarakat.

Terdapat pelbagai faktor yang boleh mendorong seseorang individu untuk berkelakuan agresif. Menurut *National Youth Violence Prevention Resource Center* (NYVPRC) (2002), terdapat enam (6) faktor risiko bagi seseorang remaja atau kanak-kanak itu cenderung untuk menjadi agresif. Enam (6) faktor risiko tersebut ialah:

Ciri individu

Beberapa ciri individu telah dikenalpasti menunjukkan peningkatan dalam risiko bagi seseorang kanak-kanak untuk berkelakuan agresif. Ciri-ciri tersebut ialah tabiat yang sukar semasa kecil, tahap kecerdasan yang rendah, hiperaktif, impulsif, dan mempunyai masalah dalam memberi perhatian. Ciri individu ini dikatakan berpunca daripada didikan atau asuhan ibubapa yang tidak cekap, masalah genetik, dan persekitaran yang tidak sesuai.

Persekitaran rumah

Ciri persekitaran rumah yang boleh meningkatkan risiko remaja atau kanak-kanak untuk menjadi agresif ialah cara penjagaan ibubapa yang bersifat memaksa atau manipulatif, kurang memberikan perhatian, dan sokongan serta menggunakan hukuman yang kasar dan disiplin yang tidak konsisten.

Perhubungan dengan rakan sebaya

Kanak-kanak yang mempunyai tingkah laku yang agresif dan kurang mahir dalam bersosial, selalunya tidak diterima oleh rakan sebaya dan ini telah menyebabkan kanak-kanak tersebut membesar menjadi remaja yang agresif. Remaja agresif ini akan membentuk kumpulan mereka sendiri yang terdiri daripada remaja yang mempunyai tingkah laku yang sama.

Kegagalan di sekolah

Individu yang agresif juga sering dikaitkan dengan masalah dari segi pelajaran dan tidak berminat untuk belajar. Masalah tingkah laku yang berlaku pada peringkat awal selalunya membawa kepada pencapaian akademik yang rendah dan kegagalan. Ini merupakan faktor penting bagi tingkah laku delikuen dan penglibatan remaja dalam kumpulan remaja yang antisosial.

Pendedahan terhadap media yang menunjukkan kekejaman

NYVPRC turut menyatakan bahawa kanak-kanak cenderung berkelakuan agresif dari segi fizikal dan lisan adalah disebabkan terlalu didedahkan dengan rancangan televisyen dan filem yang mempunyai adegan yang ganas seperti bunuh, rogol, dan pergaduhan. Permainan video yang ganas juga dikatakan antara penyumbang keganasan di kalangan kanak-kanak pada peringkat awal.

Faktor masyarakat dan komuniti

Faktor-faktor seperti kemiskinan, pengangguran, diskriminasi dan penerimaan masyarakat terhadap tingkah laku agresif meningkatkan risiko kecenderungan remaja berkelakuan agresif. Faktor ini juga sering dikaitkan dengan kawasan kejiranan yang tidak selamat atau mempunyai masalah sosial seperti gangsterisma, penagihan dadah, dan kurang integrasi.

1.2 Kenyataan Masalah

Pada zaman sekarang, tingkah laku agresif dianggap bagaikan satu wabak yang semakin merebak di kalangan manusia. Tambahan pula, terdapat banyak berita yang melaporkan tentang kes-kes berunsur tingkah laku agresif yang melibatkan golongan remaja dan awal dewasa. Golongan yang dimaksudkan adalah termasuk pelajar sekolah dan pelajar yang menuntut di pusat pengajian tinggi. Pembongkaran kes jenayah remaja bermula dari pembunuhan seorang pelajar berpunca daripada peras ugut wang RM5.00 sahaja. Rentetan peristiwa itu pihak polis telah mengaitkan kes-kes yang tidak sihat dilakukan oleh pelajar seperti terlibat dadah, pembunuhan, kongsi gelap, curi, pecah rumah dan sebagainya. Sehingga kini, lebih 100 tangkapan telah dibuat di seluruh negara. (Berita Harian, 26 Februari 1997: 3 dalam kajian Ishak Harun, Azman Konil dan Ahmad Mohd. Yasin, 2004).

Tingkah laku agresif yang ditunjukkan oleh golongan ini semakin membimbangkan semua pihak. Pihak kerajaan mula mengambil langkah-langkah tertentu untuk membendung masalah-masalah ini dari terus berleluasa. Masalah semakin meruncing apabila bukan sahaja pelajar lelaki sahaja yang terlibat malah pelajar perempuan juga. Ini menunjukkan masalah kes tingkah laku agresif ini tidak boleh dipandang ringan lagi.

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan di antara jantina dengan tingkah laku agresif. Menurut Eagly dan Steffen (1986) dalam kajian Verona et al. (n.d), kajian lepas telah menekankan kepentingan mengukur pelbagai jenis agresif apabila menyelidik perbezaan jantina. Kajian mengenai perbezaan di antara jantina dengan tingkah laku agresif adalah sangat penting bagi memahami faktor penyebab bagi lelaki dan perempuan bertingkah laku agresif. Olweus (1978) telah mengkaji kes buli iaitu gangguan agresif di kalangan remaja sekolah, telah menyatakan bahawa kejadian buli agak jarang di kalangan remaja perempuan dan telah mengecualikan pelajar perempuan sebagai subjek kajiannya. Namun begitu, Olweus (1986) telah mengubah fikiran dan kini beliau sedang mengkaji kes buli di kalangan perempuan juga. Ini menunjukkan kajian mengenai tingkah laku tidak boleh hanya berdasarkan kepada satu jantina sahaja (dalam kajian Bjorkqvist, 1994).

Kajian untuk mengetahui sama ada mempunyai faktor umur mempunyai perkaitan dengan tingkah laku agresif juga harus dititikberatkan. Ini adalah kerana terdapat banyak kajian yang mempersoalkan isu umur dengan tingkah laku

agresif. Dalam Toldos (2005), kajian oleh Cairns et al. (1989), Eron dan Huesman (1990) dan Ferguson dan Rule (1980) telah menyatakan bahawa terdapat beberapa kajian yang telah menunjukkan kecenderungan terhadap tingkah laku agresif semakin meningkat dengan umur. Kenyataan ini telah disokong oleh kajian Ledingham et al. (1982) dalam Toldos (2005), iaitu tingkah laku agresif dilaporkan sama sepanjang zaman kanak-kanak, remaja dan dewasa. Namun begitu, hasil dapatan yang berbeza ini bergantung kepada keadaan dan definisi agresif oleh pengkaji-pengkaji tersebut dalam kajian mereka dan kajian ini juga.

1.3 Objektif Kajian

Dalam sesebuah kajian, objektif tentang perlunya sesuatu kajian dibuat merupakan antara elemen utama yang menjadi pertimbangan pengkaji, objektif kajian ini telah dibahagi kepada dua iaitu:

1.3.1 Objektif Umum

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tentang tingkah laku agresif di kalangan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

1.3.2 Objektif Khusus

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti:

- a. jenis tingkah laku agresif berdasarkan faktor jantina di kalangan pelajar UNIMAS,
- b. ciri-ciri tingkah laku agresif berdasarkan faktor jantina di kalangan pelajar UNIMAS,
- c. jenis tingkah laku agresif berdasarkan faktor umur di kalangan pelajar UNIMAS,
- d. ciri-ciri tingkah laku agresif berdasarkan faktor umur di kalangan pelajar UNIMAS, dan
- e. persepsi dan pandangan pelajar UNIMAS tentang tingkah laku agresif.

1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah untuk mengenalpasti:-

H_o1

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan jenis-jenis tingkah laku agresif di kalangan pelajar UNIMAS.

H_o 2

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan ciri-ciri tingkah laku agresif di kalangan pelajar UNIMAS.

H_o 3

Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara umur dengan jenis-jenis tingkah laku agresif di kalangan pelajar UNIMAS.

H_o 4

Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara umur dengan ciri-ciri tingkah laku agresif di kalangan pelajar UNIMAS.